



UNSUR SEMIOTIK DALAM PUISI MELAYU DAN PERANCIS

Oleh

NURUL ATIRAH BINTI MUHAMMAD TAHA

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Jun 2022

FBMK 2022 59

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

UNSUR SEMIOTIK DALAM PUISI MELAYU DAN PERANCIS

Oleh

NURUL ATIRAH BINTI MUHAMMAD TAHA

Jun 2022

Pengerusi : Professor Madya Hazlina Binti Abdul Halim, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Puisi merupakan seni kesusasteraan yang menggambarkan corak pemikiran serta adat budaya sesuatu masyarakat. Ketinggian nilai estetika sesuatu puisi dapat dilihat melalui strukturnya yang diperkaya dengan bahasa kiasan serta perlambangan-perlambangan untuk menyampaikan sesuatu mesej secara tidak langsung. Puisi digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, dan pesanan. Namun begitu, puisi-puisi moden banyak digunakan untuk meluahkan emosi. Bentuk puisi yang bebas dan padat dengan semiotik yang bersifat peribadi menyebabkan puisi tersebut menjadi kabur dan sukar difahami oleh pembaca. Di samping itu, keunikan sesuatu puisi terhasil daripada perbezaan faktor budaya yang mempengaruhi penggunaan perlambangan masyarakat masing-masing. Jurang perbezaan budaya ini menyebabkan ketaksaan dalam penyampaian makna sesuatu puisi ekoran kesukaran memahami perlambangan-perlambangan yang asing serta berbeza daripada budaya tempatan. Kekaburan unsur semiotik dalam puisi moden, unsur semiotik yang kompleks serta pemaknaan semiotik yang berbeza antara dua masyarakat menjadi titik tolak kepada pembentukan kajian ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam puisi Melayu dan Perancis serta menganalisis persamaan dan perbezaan unsur semiotik yang terkandung dalam puisi-puisi tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif deskriptif serta kaedah analisis dokumen berdasarkan Teori Semiotik Riffaterre (1978). Sampel kajian yang digunakan ialah sebanyak 30 puisi Melayu dan 30 puisi Perancis yang bertemakan cinta. Oleh itu, 30 puisi Melayu telah dipilih daripada buku Malam Ini Malam Berinai (2016), Bercakap dengan Kucing (2014), Dari Cinta Kepada Cinta (2015), dan Di Atas Perahu Cinta (2014). Manakala 30 puisi Perancis tema cinta dipilih daripada laman web www.poemes.co, <https://www.poesie-francaise.fr/>, <https://www.lesvoixdelapoesie.com/> dan <https://www.poetica.fr/categories/amour/>. Untuk proses pengenalanpastian unsur-unsur semiotik dijalankan berdasarkan Teori Semiotik Riffaterre (1978) yang menekankan aspek ketidaklangsungan ekspresi, pembacaan heuristik dan hermeneutik serta penelitian matriks, model dan variasi. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti daripada unsur-unsur semiotik yang digunakan dalam puisi cinta Melayu ialah unsur alam seperti matahari, langit, bulan, api dan bagi puisi

Perancis padat dengan perlambangan abstrak iaitu *fée*, *la sirène*, dan *enfer*. Namun begitu itu, terdapat lebih banyak persamaan berbanding perbezaan dari segi makna unsur-unsur semiotik yang terkandung dalam puisi Melayu dan Perancis. Contohnya penggunaan malam untuk menunjukkan kesunyian, penggunaan perlambangan bunga sebagai simbol kepada wanita. Hasil daripada kajian ini, menunjukkan unsur yang berbeza pada kelompok bahasa yang berbeza. Unsur dominan dalam puisi Melayu ialah unsur Alam manakala unsur yang dominan dalam puisi Perancis ialah unsur Abstrak. Kajian ini diharapkan dapat mempertingkatkan kefahaman dalam konteks unsur-unsur semiotik dalam puisi sekaligus dapat membantu memupuk minat pembaca dalam memahami puisi Melayu dan Perancis.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

SEMIOTIC ELEMENT IN MALAY AND FRENCH POEMS

By

NURUL ATIRAH BINTI MUHAMMAD TAHA

June 2022

Chair : Assoc. Prof. Hazlina Binti Abdul Halim, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Poetry is a literary art that describes the thought patterns and cultural customs of one society. The high aesthetic value of a poem can be seen through its structure which is enriched with figurative language and symbolism to convey a message indirectly. Poetry is used to convey advice, and orders. Nevertheless, modern poems are widely used to express emotions. The free form of poetry compact with personal semiotics causes the poem to become vague and difficult for readers to understand. In addition, the uniqueness of a poem results from differences in cultural factors that influence the use of symbols in each society. This gap in cultural differences causes difficulty in conveying the meaning of a poem due to the difficulty in understanding symbols that are foreign and different from the local culture. The ambiguity and complexity of semiotic elements in modern poetry as well as the different meanings of semiotics between two societies became the starting point for the formation of this study. Thus, this study aims to identify the semiotic elements found in Malay and French poetry as well as analyze the similarities and differences of the semiotic elements contained in the poems. This study uses a descriptive qualitative research design and document analysis method based on Riffaterre's Semiotic Theory (1978). The research sample used is 30 Malay poems and 30 French poems that based on the theme of love. Therefore, 30 Malay poems have been selected from the books *Malam Ini Malam Berinai* (2016), *Bercakap dengan Kucing* (2014), *Dari Cinta Kepada Cinta* (2015), and *Di Atas Perahu Cinta* (2014). While 30 French poems on the theme of love were selected from the websites www.poemes.co, <https://www.poesie-francaise.fr/>, <https://www.lesvoixdelapoesie.com/> and <https://www.poetica.fr/categories/amour/>. For the identification process of semiotic elements is carried out based on Riffaterre's Semiotic Theory (1978) which emphasizes the aspect of indirectness of expression, heuristic and hermeneutic reading as well as matrix research, models and variations. The results of this study show that the majority of the semiotic elements used in Malay love poetry are natural elements such as the sun, sky, moon, fire while for French poetry full with abstract symbolism such as *fée*, *la sirène*, and *enfer*. Nevertheless, there are more similarities than differences in terms of

the meaning of the semiotic elements contained in Malay and French poetry. For example the use of night to show loneliness, the use of flower symbolism for women. The results of this study show different elements in different language groups. The dominant element in Malay poetry is the Nature element while the dominant element in French poetry is the Abstract element. This study is expected to improve understanding in the context of semiotic elements in poetry as well as help foster readers' interest in understanding Malay and French poetry.



PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya syukur ke hadrat ilahi saya ucapkan atas limpah dan kurnia serta rahmat-Nya kerana diberi peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ayah, Muhammad Taha bin Hamdan dan mama saya, Melati Binti Omar atas sokongan dan doa sepanjang mengharungi perjalanan Master yang penuh cabaran. Kepada adik-beradik saya, abang saya, abang Hazim, dan adik-adik saya Atikah dan Insyirah, terima kasih juga.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Hazlina Abdul Halim atas sokongan, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau yang tidak terhingga sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Juga, tidak lupa kepada Dr. Hamid Omar, dan tidak langsung juga kepada Profesor Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan saya ucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan nasihat yang telah diberikan sepanjang pengajian Master ini.

Di samping itu, terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan saya Sarah Balqis, dan Syazwani Amira, serta sahabat-sahabat lain yang turut sama mengikuti pengajian Master di Universiti Putra Malaysia, terima kasih atas segala sokongan dan galakan kalian. Tambahan itu, saya juga ingin berterima kasih kepada sahabat baik saya Nadia Syafikah yang banyak memberikan kata-kata semangat dalam hidup saya.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan penyelidikan saya dengan sempurna. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas kebaikan kalian.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hazlina Abdul Halim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hamid Omar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Oktober 2022

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : : Hazlina Abdul Halim

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Hamid Omar

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	HALAMAN
<i>ABSTRACT</i>	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xv
	xvi

BAB

1		
	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Penyataan Masalah	2
	1.4 Persoalan Kajian	3
	1.5 Objektif Kajian	4
	1.6 Batasan Kajian	4
	1.7 Kepentingan Kajian	4
	1.8 Definisi Operasional	4
	1.8.1 Unsur-Unsur Semiotik	5
	1.8.2 Ketidaklangsungan Ekspresi	6
	1.8.3 Puisi	6
	1.9 Kesimpulan	7
2	SOROTAN KAJIAN	8
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Kajian Semiotik	8
	2.3 Kajian Bandingan Puisi	20
	2.4 Kesimpulan	24
3	METODOLOGI KAJIAN	25
	3.1 Pengenalan	25
	3.2 Reka Bentuk Kajian	25
	3.3 Metodologi Kajian	25
	3.3.1 Sampel Kajian	25
	3.3.2 Rujukan Internet/Laman Sesawang	27
	3.3.3 Kajian Kepustakaan	27
	3.4 Kerangka Teori	28
	3.4.1 Teori Semiotik Riffaterre	29
	3.4.1.1 Ketidaklangsungan Ekspresi	29
	3.4.1.2 Penggantian Makna	29
	3.4.2 Contoh Pembacaan Heuristik & Hermeneutik	30
	3.4.3 Matriks, Model & Varian	32

3.5	Kerangka Konseptual	34
3.6	Kajian Rintis	35
3.6.1	Objektif 1: Pengenalpastian Unsur-unsur Semiotik dalam Puisi Melayu dan Perancis berdasarkan Teori Semiotik Riffaterre (1978)	35
3.6.2	Objektif 2: Analisis Perbandingan Unsur Semiotik Puisi Melayu dan Perancis	35
3.7	Pengumpulan Data	36
3.8	Penganalisan Data	37
3.8.1	Penentuan Unsur-Unsur Semiotik dalam Puisi Melayu dan Perancis.	38
3.8.2	Analisis Perbandingan Unsur-Unsur Semiotik dalam Puisi Melayu dan Perancis	38
3.8.3	Penterjemahan dan Pengekodan Dapatan Puisi Melayu dan Perancis	38
3.9	Kesimpulan	39
4	DAPATAN KAJIAN	40
4.1	Pengenalan	40
4.2	Dapatan dan Perbincangan	40
4.2.1	Objektif Kajian Pertama	40
4.2.1.1	Analisis Unsur Semiotik dalam Puisi Melayu dan Perancis	40
4.2.2	Objektif Kajian Kedua	74
4.2.2.1	Perbandingan Unsur Semiotik dalam Puisi Melayu dan Perancis	74
4.3	Kesimpulan	80
4.4	Rumusan Keseluruhan	81
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	82
5.1	Pengenalan	82
5.2	Rumusan Kajian	82
5.3	Implikasi Kajian	83
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.5	Penutup	83
	BIBLIOGRAFI	85
	LAMPIRAN	93
	BIODATA PELAJAR	95

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.3.1	Sampel Kajian	26
3.4.2 (i)	Contoh Pembacaan Heuristik	31
3.4.2 (ii)	Contoh Pembacaan Hermeneutik	31
3.4.3	Contoh MA, MO dan VA	32
3.6.2	Persamaan Unsur Semiotik Dalam Puisi Melayu & Perancis	36
3.8.3	Sistem Koding	38
4.2.1.1 (i)	Unsur Semiotik berdasarkan KE1 dalam PM	42
4.2.1.1 (ii)	Unsur Semiotik berdasarkan KE1 dalam PP	43
4.2.1.1.1 (i)	Unsur AS dalam Metafora PM	43
4.2.1.1.1 (ii)	Unsur AS dalam Metafora PM	44
4.2.1.1.1 (iii)	Unsur AS dalam Metafora PP	44
4.2.1.1.1 (iv)	Unsur AS dalam Metafora PP	45
4.2.1.1.1 (v)	Unsur AS dalam Metafora PP	45
4.2.1.1.1 (vi)	Unsur AS dalam Metafora PP	46
4.2.1.1.1 (vii)	Unsur AS dalam Metafora PP	46
4.2.1.1.1 (viii)	Unsur AS dalam Simile PM	47
4.2.1.1.1 (ix)	Unsur AS dalam Simile PP	47
4.2.1.1.1 (x)	Unsur AS dalam Hiperbola PM	48
4.2.1.1.1 (xi)	Unsur AS dalam Hiperbola PP	48
4.2.1.1.1 (xii)	Unsur AS dalam Hiperbola PM	48
4.2.1.1.1 (xiii)	Unsur AS dalam Personifikasi PP	49
4.2.1.1.1 (xiv)	Unsur AL dalam Metafora PM	49

4.2.1.1.1 (xv)	Unsur AL dalam Metafora PM	50
4.2.1.1.1 (xvi)	Unsur AL dalam Metafora PP	50
4.2.1.1.1 (xvii)	Unsur AL dalam Simile PM	51
4.2.1.1.1 (xviii)	Unsur AL dalam Simile PP	51
4.2.1.1.1 (xix)	Unsur AL dalam Hiperbola PM	52
4.2.1.1.1 (xx)	Unsur AL dalam Hiperbola PP	52
4.2.1.1.1 (xxi)	Unsur AL dalam Personifikasi PM	53
4.2.1.1.1 (xxii)	Unsur AL dalam Personifikasi PM	53
4.2.1.1.1 (xxiii)	Unsur AL dalam Personifikasi PP	54
4.2.1.1.1 (xxiv)	Unsur CM dalam Metafora PM	54
4.2.1.1.1 (xxv)	Unsur CM dalam Metafora PP	55
4.2.1.1.1 (xxvi)	Unsur CM dalam Simile PM	55
4.2.1.1.1 (xxvii)	Unsur CM dalam Simile PP	55
4.2.1.1.1 (xxviii)	Unsur CM dalam Hiperbola PM	56
4.2.1.1.1 (xxix)	Unsur CM dalam Hiperbola PP	56
4.2.1.1.1 (xxx)	Unsur AB dalam Metafora PM	57
4.2.1.1.1 (xxxi)	Unsur AB dalam Metafora PP	57
4.2.1.1.1 (xxxii)	Unsur AB dalam Personifikasi PM	58
4.2.1.1.1 (xxxiii)	Unsur AB dalam Personifikasi PP	58
4.2.1.1.1 (xxxiv)	Unsur AB dalam Hiperbola PM	58
4.2.1.1.1 (xxxv)	Unsur AB dalam Hiperbola PP	59
4.2.1.1.1 (xxxvi)	Unsur AB dalam Personifikasi PM	59
4.2.1.1.1 (xxxvii)	Unsur AB dalam Personifikasi PP	60
4.2.1.1.1 (xxxviii)	Unsur WK dalam Personifikasi PM	60

4.2.1.1.1 (xxxix)	Unsur WK dalam Personifikasi PP	61
4.2.1.1.1 (xl)	Unsur WK dalam Metafora PP	61
4.2.1.1.1 (xli)	Unsur WK dalam Simile PM	61
4.2.1.1.1 (xlii)	Unsur WK dalam Simile PP	62
4.2.1.1.1 (xliii)	Unsur WR dalam Metafora PM	62
4.2.1.1.1 (xliv)	Unsur WR dalam Metafora PP	63
4.2.1.1.2 (i)	Pembacaan Heuristik dalam PM	64
4.2.1.1.2 (ii)	Pembacaan Heuristik dalam PP	65
4.2.1.1.2 (iii)	Pembacaan Hermeneutik dalam PM	66
4.2.1.1.2 (iv)	Pembacaan Hermeneutik dalam PP	68
4.2.1.1.3 (i)	Matriks, Model dan Varian dalam PM	71
4.2.1.1.3 (ii)	Matriks, Model dan Varian dalam PP	72
4.2.2 (i)	Perbandingan unsur AL dalam PP dan PM	74
4.2.2 (ii)	Perbandingan unsur AS dalam PP dan PM	75
4.2.2 (iii)	Perbandingan unsur WK dalam PP dan PM	76
4.2.2 (iv)	Perbandingan unsur WR dalam PP dan PM	77
4.2.2 (v)	Perbandingan unsur CM dalam PP dan PM	79
4.2.2 (vi)	Perbandingan unsur AB dalam PP dan PM	80

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.4 (a)	Proses Penyahkodan	28
3.4 (b)	Teori Semiotik Riffaterre (1978)	29
3.5	Kerangka Konseptual	34
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	37
3.8.3	Prosedur Penganalisan Data	39
4.2.1.1 (i)	Unsur Semiotik dalam Puisi Melayu	41
4.2.1.1 (ii)	Unsur Semiotik dalam Puisi Perancis	41

SENARAI SINGKATAN

PM	Puisi Melayu
PS	Puisi Perancis
KE	Ketidaklangsungan Ekspresi
KE1	Penggantian Makna
PHS	Pembacaan Heuristik
PHM	Pembacaan Hermeneutik
MA	Matrik
MO	Model
VA	Varian
ME	Metafora
SI	Simile
HI	Hiperbola
PE	Personifikasi
BM	Bahasa Melayu
BP	Bahasa Perancis
WK	Waktu
AL	Alam
CM	Ciptaan Manusia
AB	Anggota Badan
WR	Warna
AS	Abstrak

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan mengupas tentang penyelidikan yang dijalankan dengan lebih mendalam merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan akhir sekali menyimpulkan bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Semiotik merupakan cabang disiplin linguistik yang mengkaji mengenai hubungan lambang dan tanda serta maksud penggunaannya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Dalam konteks puisi, tanda dan lambang merujuk kepada ekspresi perasaan, imaginatif, pengalaman kehidupan serta cara pemikiran. Riffaterre (1978) berpendapat bahawa kajian semiotik sesuai untuk mengkaji sebarang bahasa terutamanya bahasa sastera. Tambahan lagi, Riffaterre (1978) dalam bukunya *Semiotic of Poetry* menyatakan ilmu semiotik dapat membantu dalam masalah menginterpretasikan makna sesebuah karya puisi. Analisis semiotik dapat membantu dalam menghuraikan kandungan bahasa puisi yang tersirat dan berkias. Oleh itu, kajian ini akan mengguna pakai analisis Teori Semiotik Riffaterre (1978) untuk mengkaji unsur-unsur semiotik yang terkandung dalam puisi kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis serta perbezaan unsur semiotik antara puisi Melayu dan Perancis. Kajian ini menggunakan 30 puisi Bahasa Melayu dan 30 puisi Bahasa Perancis daripada pelbagai sumber termasuk sumber atas talian.

Puisi merupakan bentuk sastera yang digunakan untuk mengekspresikan emosi, idea serta pengalaman dalam susunan kata yang indah. Menurut Za'ba (1965:28) puisi adalah karangan yang berangkap yang digunakan untuk melafazkan pemikiran yang cantik dengan penggunaan bahasa yang indah. Selain itu, Muhd Sayyidatul Arwan dan Faiezatul Ukhrawiyah (2019) menyatakan puisi menjadi sebuah genre karya sastera yang tersendiri yang menggunakan medium serta instrumen bahasa untuk menyampaikan nilai keindahan kepada para pembaca. Oleh itu, puisi dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan pesanan serta mengekspresikan emosi seseorang penulis dengan bentuk yang pelbagai tapi dengan tujuan yang sama.

Seterusnya, Martin Suryajaya (2018) menjelaskan bahawa puisi ialah satu media kesusasteraan yang pendek dengan pepadatan isi serta makna yang diluahkan secara tersirat dengan menggunakan kata kiasan yang padat dengan imaginatif. Di samping itu, puisi mempunyai bahasa yang berbeza daripada karya sastera yang lain serta mempunyai struktur yang lebih kompleks kerana diperkaya dengan bahasa kiasan. Kepadatan bahasa

kiasan dalam puisi dapat dilihat melalui bentuk metafora, simile, hiperbola, sinekdot, personifikasi, eufemisme, ironi serta perlambangan. Kesemua struktur ini memainkan peranan signifikan dalam mencetuskan kartasis emosi pembaca. Di samping itu, penggunaan perlambangan juga turut memperjelaskan lagi sesebuah mesej yang ingin disampaikan dalam sesuatu puisi (Zurinah Hassan, 2001). Walaupun begitu, terdapat juga perlambangan yang sukar difahami oleh pembaca (Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed, 2019).

Puisi merupakan wahana pemikiran yang disampaikan kepada masyarakat untuk menyampaikan pengajaran secara berkias. Puisi juga mencerminkan budaya dan adat, serta nilai kemasyarakatan yang diterap dalam masyarakat setempat. Bahasa dan makna puisi berkait rapat dengan budaya. Ling (2015) menyatakan bahawa puisi penting dalam penyebaran budaya dan sesuatu puisi itu bersifat mempersonakan sama ada di Timur dan Barat. Jelaslah bahawa puisi memainkan peranan penting dalam penyebaran budaya. Namun begitu, perbezaan budaya turut menyebabkan pembaca dari luar kelompok masyarakat setempat mungkin mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu puisi.

Abdul Halim Ali (2003) telah memberi takrif puisi dalam bahasa Melayu telah sebatu dalam jiwa rakyat dan bukan hanya menjadi satu hasil kesenian, sebaliknya puisi juga berfungsi sebagai medium pemeliharaan adat, pembentukan sahsiah, pengajaran ilmu agama, pertahanan, hiburan serta kepercayaan. Manakala, Kamus Perancis Larousse (2003) mendefinisikan puisi seperti berikut:

Art d'évoquer et de suggérer les sensations, les impressions, les émotions les plus vives par l'union intense des sons, des rythmes, des harmonies, en particulier par les vers.

Puisi merupakan medium untuk menyampaikan mesej secara tersirat. Justeru, penggunaan bahasa kiasan seperti simbol dan perlambangan amat membantu dalam penyampaian mesej secara halus dan berkesan. Misalnya, unsur alam banyak diselitkan dalam puisi-puisi Melayu untuk menyampaikan apa yang tersimpan di hati. (Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad, 2014). Kepadatan unsur-unsur alam dalam puisi ini juga sekaligus menunjukkan Masyarakat Melayu mempunyai ketajaman daya pemerhatian serta menghargai alam sekeliling. Oleh sebab itu, pengenalpastian unsur-unsur dalam puisi adalah lebih efisien menggunakan pendekatan semiotik untuk mengkaji pemaknaan unsur-unsur tersebut dalam sesuatu puisi.

1.3 Penyataan Masalah

Puisi adalah luahan emosi yang disampaikan oleh pemuisi kepada para pembaca untuk menyampaikan mesej secara tersirat dan halus. Namun begitu, konvensi bahasa serta struktur puisi yang kompleks merumitkan pemahaman pembaca untuk memahami makna di sebalik puisi. Menurut Muhd Sayyidatul Arwan dan Faiezatul Ukhrawiyah

(2019) turut menyatakan bahawa penggunaan kata kiasan sering kali membuatkan pembaca menghadapi kesukaran dalam memahami makna dan isi dalam puisi tersebut.

Walaupun banyak kajian semiotik dilakukan, namun kajian-kajian tersebut hanya memfokuskan kepada unsur-unsur berdasarkan aspek-aspek tertentu. Kajian-kajian lepas ini lebih menumpukan unsur-unsur alam sahaja terutamanya unsur Flora dan Fauna. Misalnya kajian sosiolinguistik oleh Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed (2018) yang mengkaji tentang unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun nasihat Melayu. Hal ini kerana, puisi Melayu diperkaya dengan unsur-unsur semiotik yang bersandarkan kepada alam. Manakala kajian oleh Walib Abu Nada dan Akram Habeeb (2016) pula memfokuskan unsur semiotik fauna sahaja khususnya kepada unsur semiotik burung helang yang terdapat dalam sebuah puisi Arab dan puisi Inggeris. Oleh itu, didapati bahawa kebanyakan kajian memfokuskan aspek unsur semiotik yang berkait rapat dengan budaya dan alam sekeliling. Selain itu, melalui pembacaan didapati bahawa kajian unsur semiotik berkaitan emosi dan perasaan kurang mendapat perhatian. Hal ini turut menjadi pencetus untuk kajian ini dilakukan bagi mengkaji unsur-unsur lain yang melibatkan perasaan dan emosi seperti cinta.

Tambahan pula, melalui penelitian dan pembacaan mendapati bahawa kajian bandingan unsur semiotik yang melibatkan dua kelompok bahasa yang berbeza adalah terhad. Walaupun begitu, terdapat beberapa kajian bandingan puisi yang melibatkan bahasa lain. Contohnya puisi Arab dan puisi Inggeris oleh Walib Abu Nada & Akram Habeeb (2016) yang hanya melihat unsur semiotik dari aspek pemaknaan sahaja dan tidak melihat struktur dan komposisi unsur semiotik dalam puisi tersebut secara menyeluruh. Dapatan kajian ini hanya membandingkan penggunaan simbolik helang yang diinterpretasikan oleh dua masyarakat tersebut. Menurut Muhd Sayyidatul Arwan dan Faiezatul Ukhrawiyah (2019) perbezaan latar belakang pembaca akan mempengaruhi pemaknaan puisi kerana diinterpretasikan dan dikaitkan dengan budaya sendiri sehingga wujud kepelbagaian makna.

Oleh hal demikian, kajian-kajian ini telah menjadi jurang penyelidikan dalam membuat kajian perbandingan yang mengkaji unsur semiotik di antara puisi Melayu dan puisi Perancis.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang didapati daripada kajian ini adalah:

1. Apakah unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam puisi Melayu dan Puisi Perancis berdasarkan analisis Teori Semiotik Riffaterre (1978)?
2. Apakah persamaan dan perbezaan unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam puisi Melayu dan Perancis?

1.5 Objektif Kajian

Objektif yang terbentuk dalam kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam puisi Melayu dan Perancis menggunakan Teori Semiotik Riffaterre (1978).
2. Menganalisis persamaan dan perbezaan penggunaan unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam puisi Melayu dan Perancis.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada puisi Melayu (PM) dan Perancis (PS) yang dipilih berdasarkan tema cinta, iaitu sebanyak 30 PM dan 30 PS sahaja. Puisi Melayu telah diambil daripada sumber primer iaitu Warna Cinta (Peter Augustine Goh, 2020), Bercakap dengan Kucing (Nordin Saad, 2014), Dari Cinta Kepada Cinta (Ramzah Dambul, 2015), Malam Ini Malam Berinai (Usman Awang, 2016), dan Di Atas Perahu Cinta (Hasan Baseri Budiman, 2014). Manakala bagi puisi Perancis pula diambil dari atas talian iaitu dari <https://www.mon-poeme.fr/>, <https://www.lesvoixdelapoesie.com/> dan <https://www.poemes.co/poemesdamour.html>. Pemilihan buku-buku PM serta laman-laman web PS ini sebagai bahan kajian dilihat bersesuaian dan selaras dengan objektif kajian.

Untuk menganalisis unsur-unsur semiotik dalam kedua-dua PM dan PS, kajian ini akan hanya mengaplikasikan Teori Semiotik Riffaterre (1978) sebagai panduan dalam kajian. Tambahan itu, pemilihan teori ini adalah disebabkan oleh tiga aspek yang utama iaitu Ketidaklangsungan Ekspresi (KE) khususnya kepada Penggantian Makna (KE1) untuk mengenal pasti bahasa kiasan serta unsur-unsur semiotik yang terkandung padanya, Pembacaan Heuristik (PHS) untuk memahami unsur semiotik berdasarkan maksud kamus dan Pembacaan Hermeneutik (PHM) untuk mengaitkan unsur semiotik tersebut secara keseluruhan serta mengaitkannya dengan aspek budaya dan akhir sekali aspek Matrik (MA), Model (MO) dan Varian (VA) untuk memastikan unsur semiotik tersebut mempunyai makna yang betul selari dan bersesuaian dengan makna keseluruhan puisi.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi faedah kepada bidang sastera misalnya para sasterawan. Hal ini kerana, kajian ini dapat memberi motivasi serta dorongan untuk giat menghasilkan karya sastera secara aktif. Hal ini kerana, kajian ini dapat membantu dalam menyebarkan kewujudan karya-karya sastera serta memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai karya sastera terutama puisi. Selain itu, kajian ini turut mendedahkan puisi-puisi yang dihasilkan oleh pemuisi-pemuisi tempatan. Hal ini dapat membantu mengangkat

martabat serta membawa imej yang positif pada para sasterawan terutamanya pemuisi di mata masyarakat. Dalam pada itu, kajian ini menunjukkan signifikan para sasterawan sebagai agen penyebaran budaya melalui penghasilan puisi.

Seterusnya, kajian ini juga penting untuk ahli-ahli linguistik terutamanya dalam bidang semiotik. Hal ini kerana, kajian ini memberi pendedahan mengenai penjabaran Teori Semiotik Riffaterre (1978). Dalam pada itu, kajian analisis bandingan turut memberi pendedahan kepada perbandingan perlambangan yang digunakan oleh dua rumpun bahasa yang berbeza, iaitu puisi tempatan dan puisi asing. Selanjutnya, kajian ini dapat dijadikan rujukan untuk mengkaji struktur-struktur bahasa sama ada bahasa Melayu atau bahasa Perancis. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat menjadi sorotan kajian serta rujukan bagi kajian akan datang.

